



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 27/1976**

*Perenggan Tanah Untuk Penyediaan Hakmilik
Sementara Dan Permintaan Ukur*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai perlunya setiap keping tanah itu diperenggan sebelum penyediaan sesuatu hakmilik sementara dan sebelum penyediaan permintaan ukur.

2. Perenggan bagi sekeping tanah yang diluluskan untuk pemberian milik adalah di perlukan di bawah seksyen 181(1) (a) Kanun tanah Negara iaitu selepas diterima permohonan supaya dikeluarkan kepadanya suatu hakmilik sementara. Cara perenggan yang teratur ialah mengukur tanah itu dengan menggunakan alat ukur yang diluluskan seperti 'prismatic compass', rantai atau pita ukur dan meletakkan tanda-tanda sempadan sementara yang tahan sehingga selesai kerja ukur muktamad. Perenggan adalah dijalankan dengan berpandu kepada pelan dan perihal tanah yang dinyatakan dalam kelulusan pemberian milik.

3. Pentingnya perenggan tidak boleh dilupai oleh sebab di bawah seksyen 176(2)(a) Kanun Tanah Negara hakmilik sementara adalah memberi kepada tuannya hak-hak yang sama seperti yang diberi oleh hakmilik tetap, kecuali sempadan-sempadannya adalah sementara dan tanah itu tidak boleh dipecah sempadan, dipecah bahagian atau disatukan. Perenggan yang tepat akan menjamin bahawa tuan punya menduduki kawasan yang betul dan ini akan mengelakkan pendudukan yang tidak betul atau pendudukan kawasan yang melebihi dari yang diluluskan.

4. Adalah perlu diadakan satu cara tadbiran di mana arahan dikeluarkan kepada pegawai petempatan untuk memperenggan tanah yang belum diperenggan secepat mungkin selepas penerimaan permohonan di bawah seksyen 180(1) supaya hakmilik sementara didaftarkan. Bagi kes di mana sesuatu permohonan untuk pendaftaran hakmilik sementara tidak diterima pegawai petempatan mestilah diarah supaya memperenggan tanah itu untuk penyediaan permintaan ukur. Pelan bagi permintaan ukur mestilah menunjukkan butir-butir perenggan tanah, iaitu, kedudukan tanah itu dengan tanah-tanah lain yang telah selesai diukur dan butir-butir perenggan seperti bering dan jarak.

5. Pemungut-pemungut adalah diminta supaya memastikan bahawa sesuatu tanah itu diperenggankan mengikut cara yang ditetapkan di perenggan 2 di atas untuk penyediaan sesuatu hakmilik semetara atau permintaan ukur.

5. Pekeliling Pesuruhjaya Bil. 5/67 adalah dengan ini di tarik balik.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-33

Kuala Lumpur